220-221 Tinjauan
221-223 Pasaran Wang
223-224 Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing
224-227 Pasaran Ekuiti
227-233 Pasaran Bon
*228* *Rencana: Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004*
234-235 Pasaran Bursa Dagangan Derivatif

# Pasaran Kewangan

# Pasaran Kewangan


**Tinjauan**

Pada tahun 2004, pasaran kewangan terus berfungsi dengan cekap dalam menggembleng dan menyalurkan dana untuk memenuhi keperluan para pelabur dan korporat bagi memudahkan pembiayaan kompetitif yang berasaskan pasaran untuk para peniaga Malaysia dan sektor awam. Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal pada tahun 2004 masih besar. Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi pada RM42.7 bilion (2003: RM50.4 bilion). Kerajaan Persekutuan terus memperoleh dana daripada pasaran dalam negeri untuk membiayai aktiviti pembangunan berikutan keadaan mudah tunai yang berlebihan. Sektor awam memperoleh jumlah dana bersih yang lebih tinggi sebanyak RM26.7 bilion (2003: RM24.7 bilion), mencakupi 62.5% daripada jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran modal. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan bon menurun sebanyak 37.6% kepada RM16 bilion, disebabkan terutamanya oleh terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih rendah. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penyelesaian kebanyakan aktiviti penstrukturan semula korporat, dan sebahagian besar dana yang diperoleh adalah untuk membiayai aktiviti baru. Secara keseluruhan, pembiayaan ekonomi melalui terbitan PDS kekal ketara, mencakupi 23.7% daripada jumlah pembiayaan sektor swasta melalui PDS dan pinjaman.

Dalam pasaran ekuiti, aktiviti untuk memperoleh dana telah disokong oleh prestasi pasaran yang positif dan asas ekonomi yang bertambah baik. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) meningkat sebanyak 14.3% untuk mencapai 907.43 mata pada akhir tahun 2004, paras akhir tahun yang tertinggi sejak Krisis pada tahun 1997. Jumlah dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berjumlah RM6.5 bilion, hasil daripada penyenaraian 72 syarikat di Bursa Malaysia, bilangan yang paling tinggi sejak tahun 1998. Bilangan penyenaraian yang lebih tinggi, terutamanya oleh syarikat bermodal kecil dan

Pasaran kewangan terus memainkan peranan yang utama sebagai sumber pembiayaan ekonomi yang penting. Usaha-usaha telah dilaksanakan untuk membangunkan lagi pasaran kewangan sebagai penyalur dan penggembleng dana pelaburan yang cekap.

**Graf 9.1**
**Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal oleh Sektor Awam dan Swasta**




**Jadual 9.1**
**Dana yang Diperoleh daripada Pasaran Modal**

| | 2003 | *2004a* |
|---|---|---|
| | RM juta | |
| **Oleh Sektor Awam** | | |
| Sekuriti Kerajaan (kasar) | 41,262 | 43,173 |
| *Tolak* Penebusan | 18,600 | 18,200 |
| *Tolak* Milikan Kerajaan | 0 | 0 |
| *Bersamaan* Penerimaan bersih Persekutuan | 22,662 | 24,973 |
| Bon Khazanah (bersih) | 346 | -1,198 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih) | 1,729 | 1,423 |
| Bon Simpanan Malaysia/Bon Simpanan Merdeka (bersih) | -9 | 1,474 |
| **Dana Bersih yang Diperoleh Sektor Awam** | **24,729** | **26,671** |
| **Oleh Sektor Swasta** | | |
| Saham | 7,772 | 6,475 |
| Sekuriti Hutang Swasta | | |
| Terbitan kasar | 50,975 | 36,340 |
| *Tolak* Penebusan | 33,123 | 26,814 |
| *Bersamaan* Terbitan bersih | 17,853 | 9,526 |
| **Dana Bersih yang Diperoleh Sektor Swasta** | **25,624** | **16,001** |
| **Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal** | **50,353** | **42,672** |
| Terbitan bersih sekuriti jangka pendek[1] | 3,753 | -3,208 |
| **Jumlah** | **54,106** | **39,465** |

[1] Merujuk kepada Kertas Perdagangan dan Nota Cagamas. Untuk tahun 2003, termasuk Nota Jangka Pertengahan.
*a* Awalan

sederhana, mencerminkan aktiviti pelaburan dalam negeri yang lebih baik, terutamanya dalam sektor pertumbuhan baru ekonomi.

Dalam pasaran PDS, persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah serta pengukuhan asas ekonomi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada bekalan PDS baru yang berterusan, dengan jumlah terbitan sebanyak RM36.4 bilion. Pasaran PDS kekal sebagai pilihan sumber perolehan pembiayaan oleh syarikat yang terlibat dalam sektor utiliti dan pembinaan, mencakupi 59.5% daripada jumlah dana yang diperoleh sektor swasta (tidak termasuk Cagamas Berhad). Dari segi penggunaan dana bon, 46.5% daripada jumlah terbitan adalah untuk pembiayaan aktiviti baru, yakni bahagian pembiayaan yang paling tinggi sejak Krisis. Perkembangan yang menggalakkan ini terus membuktikan aktiviti pelaburan swasta yang lebih baik dalam ekonomi Malaysia. Perkembangan yang penting dalam pasaran bon dalam negeri ialah pengenalan aset kelas baru. Pada tahun 2004, beberapa instrumen baru, termasuk sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman dan bon ringgit bank pembangunan pelbagai hala telah diterbitkan.

Dari segi urus niaga pasaran dan aktiviti dagangan, kedua-dua pasaran pertukaran asing antara bank Kuala Lumpur dan pasaran bursa dagangan derivatif mencatat aktiviti yang memberangsangkan, dengan jumlah urus niaga masing-masing meningkat sebanyak 44% dan 32%. Jumlah urus niaga bagi pasaran ekuiti, bon dan pasaran wang menurun sedikit pada tahun ini. Urus niaga pasaran wang sepanjang tahun ini dipengaruhi sebahagian besarnya oleh pertukaran jangkaan pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan arah kadar faedah.

Peningkatan urus niaga dalam pasaran pertukaran asing adalah disebabkan oleh peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan, serta volatiliti yang lebih tinggi dalam mata wang utama. Volatiliti yang meningkat dalam pasaran pertukaran asing menggalakkan pedagang mata wang mempelbagai dan melindung nilai portfolio serta berurus niaga dengan mengambil peluang daripada kesempatan yang berpunca daripada pergerakan kadar pertukaran.

Dalam Bursa Malaysia Derivatives, aktiviti urus niaga tertumpu pada kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) dan KLCI, kedua-duanya mencakupi sebanyak 93.7% daripada jumlah urus niaga. Perkembangan yang ketara ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi sebanyak 229% yang dicatat dalam kontrak niaga hadapan KLCI, disebabkan terutamanya oleh prestasi baik pasaran asas ekuiti serta langkah-langkah yang telah diambil oleh Bursa Malaysia Derivatives untuk menurunkan syarat margin dan kos urus niaga pada akhir tahun 2003. Untuk mengukuhkan lagi kaedah pengurusan risiko bagi pedagang minyak sawit, kontrak niaga hadapan Minyak Isi Rong Sawit dilancarkan. Ini membolehkan peserta-peserta pasaran mengurus pendedahan harga minyak sawit dengan lebih baik.

Dari segi pembangunan, Kerajaan dan pihak berkuasa berkenaan terus menyokong pembangunan dan pengukuhan pasaran kewangan dalam negeri bagi mencapai paras kecekapan yang lebih tinggi, berdaya tahan dan berdaya saing. Perkembangan yang penting ialah pengenalan beberapa langkah liberalisasi untuk membenarkan broker saham asing, broker hadapan asing dan pengurus dana asing beroperasi di Malaysia. Di samping itu, syarikat bukan pemastautin dikecualikan daripada cukai pegangan ke atas pendapatan faedah yang diperoleh daripada pegangan sekuriti hutang berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti hutang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Perkembangan ini terus mengukuhkan profil pelabur dalam pasaran modal dalam negeri. Keterangan lanjut terdapat dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2004**.

**Pasaran Wang**

Aktiviti dalam pasaran wang lebih perlahan sedikit pada tahun 2004, sebagaimana dicerminkan oleh penurunan dalam jumlah urus niaga bagi deposit antara bank dan instrumen pasaran wang.

Dalam persekitaran kadar faedah antara bank yang stabil dan mudah tunai yang berlebihan sepanjang tahun, jumlah urus niaga dalam pasaran deposit antara bank merosot sebanyak 2.5% pada tahun 2004 berikutan kurangnya insentif di kalangan peserta pasaran untuk memperoleh dana daripada pasaran antara bank. Berbanding dengan tahun 2003, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang lebih kecil antara 2.65 – 2.74%, dengan purata keseluruhan pada 2.70%.

Pada tahun 2004, sebahagian besar daripada urus niaga instrumen pasaran wang dipengaruhi oleh perubahan dalam jangkaan pasaran mengenai prospek pertumbuhan ekonomi dan arah kadar faedah. Pada suku pertama, kadar inflasi yang rendah dan jaminan bahawa dasar monetari tidak akan berubah telah menggalakkan urus niaga MGS. Ini disebabkan peningkatan pemegangan instrumen berpendapatan tetap oleh pelabur dari dalam dan luar negeri. Justeru, jumlah urus niaga MGS meningkat dengan ketara kepada RM13.8 bilion pada bulan Mac 2004 daripada RM1.7 bilion pada bulan

## Jadual 9.2
## Pasaran Wang[1]


| | 2003 | | 2004 | |
|---|---|---|---|---|
| | Jumlah (RM bilion) | Perubahan tahunan (%) | Jumlah (RM bilion) | Perubahan tahunan (%) |
| **Jumlah urus niaga pasaran wang** | **1,541.0** | **5.2** | **1,487.0** | **-3.5** |
| **Deposit antara bank** | **1,084.7** | **7.2** | **1,057.5** | **-2.5** |
| **Instrumen pasaran wang** | **456.3** | **0.6** | **429.5** | **-5.9** |
| Penerimaan Jurubank (BA) | 37.3 | -27.4 | 48.0 | 28.7 |
| Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID) | 43.0 | 17.3 | 36.3 | -15.7 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) | 231.4 | -5.2 | 193.3 | -16.5 |
| Bon Khazanah | 18.7 | 20.7 | 17.8 | -5.1 |
| Bil Perbendaharaan | 9.9 | 17.7 | 17.1 | 73.1 |
| Bil Bank Negara | 74.5 | 36.9 | 74.1 | -0.4 |
| Bon Cagamas | 25.6 | -12.4 | 38.6 | 51.0 |
| Nota Cagamas | 16.0 | 16.2 | 4.4 | -72.7 |

[1] Semua data diperoleh daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali BA dan NID yang sumbernya adalah daripada broker pasaran wang.


Disember 2003 dengan tumpuan minat lebih kepada instrumen berpendapatan tetap jangka panjang. Permintaan yang lebih kukuh ini menurunkan kadar hasil bagi MGS 3 tahun dan 5 tahun, masing-masing sebanyak 51 mata asas dan 20 mata asas kepada 3.25% dan 4.08%. Urus niaga dalam bil perbendaharaan juga berada pada tahap yang tinggi dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 173.7% pada suku pertama tahun 2004, sementara kadar hasil bil perbendaharaan 3 bulan merosot sebanyak 23 mata asas berbanding dengan kadar hasil pada akhir bulan Disember 2003.

Pada suku kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon mulai meningkat. Pengumuman KDNK suku pertama yang kukuh serta peningkatan kadar hasil bil Perbendaharaan AS tatkala jangkaan bahawa pertumbuhan yang kukuh di AS akan mendorong

## Graf 9.2
## Kadar Hasil Instrumen Pasaran Wang





## Graf 9.3
## Urus Niaga MGS




*Federal Reserve* untuk menaikkan kadar faedah, telah mengubah jangkaan pasaran mengenai arah kadar faedah di Malaysia. Ini menyebabkan tekanan jualan di pasaran MGS dan seterusnya menyebabkan kadar hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun masing-masing meningkat kepada 3.72% dan 4.41% pada akhir bulan Jun. Kadar tersebut merupakan kadar hasil tertinggi yang dicatat pada tahun 2004.

Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon bertukar arah dan menurun semula, dipengaruhi terutamanya oleh kenaikan harga minyak mentah serta kesan negatifnya terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dunia. Permintaan terhadap sekuriti berpendapatan tetap dalam nilai ringgit turut meningkat berikutan keyakinan pelabur bahawa inflasi di Malaysia dijangka kekal pada paras yang rendah serta jangkaan jajaran semula mata wang di Asia berbanding dengan dolar


## Graf 9.4
## Deposit Antara Bank



**Graf 9.5**
**Instrumen Pasaran Wang**




**Graf 9.6**
**Jumlah Urus Niaga Antara Bank dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur**




Nota: Data dari tahun 2002 dan seterusnya adalah berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru,manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan urus niaga lapan Peniaga yang Dibenarkan.

AS. Ini diperkukuh oleh penurunan kadar hasil bil Perbendaharaan AS berikutan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan *(FOMC)* membayangkan bahawa kadar faedah di AS akan meningkat pada kadar yang sederhana, di samping pengecualian cukai pegangan atas pendapatan faedah melalui pemegangan sekuriti dalam nilai ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Minat yang tinggi terhadap aset dalam nilai ringgit menyebabkan penurunan yang ketara dalam kadar hasil, terutamanya bagi instrumen jangka pendek. Antara akhir bulan Oktober hingga akhir bulan November, kadar hasil MGS 1 tahun jatuh sebanyak 76 mata asas, sementara kadar hasil bagi bil perbendaharaan 3 bulan jatuh sebanyak 51 mata asas.


Perkembangan yang ketara pada tahun 2004 ialah pergerakan yang besar dalam urus niaga sekuriti hutang Cagamas. Urus niaga nota Cagamas merosot sebanyak 73%, disebabkan terutamanya oleh jumlah terbitan yang lebih rendah, iaitu hanya sebanyak RM1 bilion pada tahun 2004 berbanding dengan hampir RM10 bilion pada tahun 2003. Sementara itu, urus niaga bon Cagamas meningkat dengan ketara berikutan penghapusan insentif pengawalseliaan bagi sekuriti hutang Cagamas pada bulan September 2004 yang menyebabkan kadar hasil bon Cagamas meningkat sedikit.

**Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing**

Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur, jumlah purata harian bagi urus niaga pertukaran mata wang asing antara bank (spot dan swap) meningkat sebanyak 44% berbanding dengan tahun 2003. Urus niaga spot meningkat lebih tinggi sebanyak 57% berbanding dengan urus niaga swap sebanyak 36%. Secara umum, perubahan dalam jumlah dan komposisi dalam pasaran pertukaran mata wang asing berkemungkinan disebabkan oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan serta keadaan mata wang utama yang semakin tidak menentu sepanjang tahun 2004. Ekoran ketidaktentuan yang meningkat antara mata wang utama, pedagang mata wang berurus niaga bagi mempelbagaikan, menyelaras dan melindung nilai portfolio mereka, di samping mengambil peluang mendapatkan keuntungan hasil daripada perubahan kadar pertukaran mata wang.

Peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan memberi kesan positif secara langsung ke atas jumlah

**Graf 9.7**
**Urusniaga dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur mengikut Mata Wang**




urus niaga spot dan swap. Pada tahun 2004, jumlah eksport dan import Malaysia masing-masing meningkat sebanyak 20.8% dan 26.3%, berbanding dengan 11.3% dan 4.4% pada tahun 2003. Aktiviti pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur juga lebih tinggi berikutan peningkatan yang ketara dalam aliran masuk dana portfolio. Keadaan tidak menentu yang meningkat dalam pasaran pertukaran mata wang asing, ekoran penyusutan nilai dolar AS dan seterusnya penyelarasan mata wang sedunia, turut mendorong peningkatan dalam aktiviti melindung nilai oleh peserta-peserta pasaran bagi mengurus pendedahan mereka terhadap risiko mata wang.

Dari segi komposisi, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur melibatkan terutamanya ringgit, yen, euro, dolar Singapura dan paun sterling berbanding dengan dolar AS. Dolar AS digunakan secara meluas dalam penyelesaian urus niaga perdagangan, perkhidmatan dan akaun modal. Oleh itu, urus niaga dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur masih dikuasai oleh dolar AS berbanding dengan ringgit. Walau bagaimanapun, bahagian urus niaga dolar AS daripada jumlah urus niaga keseluruhan dalam pasaran pertukaran mata wang asing menurun daripada 81.7% pada tahun 2003 kepada 78.5% pada tahun 2004. Bahagian urus niaga yang melibatkan yen dan dolar Singapura berbanding dengan dolar AS turut menurun masing-masing sebanyak 3% dan 10%. Sebaliknya, terdapat peningkatan yang ketara dalam urus niaga yang melibatkan paun sterling berbanding dengan dolar AS. Ini menjadikan paun sterling dan dolar AS pasangan mata wang dagangan yang ketiga terbesar pada tahun 2004. Urus niaga euro berbanding dengan dolar AS juga meningkat kepada 4.2% daripada jumlah urus niaga keseluruhan pada tahun 2004, berbanding dengan 2.6% pada tahun 2003. Peralihan ini sebahagiannya boleh dijelaskan oleh pempelbagaian secara lebih aktif daripada mata wang yang menjana pulangan yang rendah seperti dolar dan yen kepada mata wang yang menjana pulangan yang tinggi seperti paun sterling dan euro.

**Pasaran Ekuiti**

Pada tahun 2004, pasaran ekuiti di Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dengan kebanyakan indeks pasaran utama berada pada tahap yang lebih tinggi pada akhir tahun. Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) mengakhiri tahun 2004 pada paras 907.43 mata atau kenaikan sebanyak 14.3% berbanding dengan paras pada akhir tahun 2003. Jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM722.04 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 12.8%

**Graf 9.8**
**Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI), Indeks Papan Kedua, Indeks Komposit Pasaran MESDAQ (MCI) dan Jumlah Urus Niaga Bursa Malaysia**




Sumber: Bursa Malaysia

berbanding dengan paras pada akhir tahun 2003. Aktiviti pasaran kekal ketara dengan urus niaga pasaran tahunan berjumlah 108 bilion unit bernilai RM216.7 bilion. Dalam pasaran serantau, KLCI adalah antara indeks yang mencapai prestasi yang terbaik di rantau Asia.

**Jadual 9.3**
**Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih**

| | 2003 | 2004 |
|---|---|---|
| Indeks Harga: | | |
| Komposit | 793.94 | 907.43 |
| EMAS | 195.57 | 214.26 |
| Papan Kedua | 140.64 | 110.87 |
| MESDAQ | 152.25 | 122.84 |
| Jumlah Urus Niaga: | | |
| Jumlah (bilion unit) | 112.2 | 108.0 |
| Nilai (RM bilion) | 183.9 | 216.7 |
| Urus Niaga Harian Purata : | | |
| Jumlah (juta unit) | 456.0 | 435.5 |
| Nilai (RM juta) | 747.5 | 873.7 |
| Permodalan Pasaran (RM bilion) | 640.5 | 722.0 |
| Permodalan Pasaran / KDNK (%) | 162.4 | 161.3 |
| Jumlah Syarikat yang Disenaraikan: | 906 | 963 |
| Papan Utama | 598 | 622 |
| Papan Kedua | 276 | 278 |
| MESDAQ | 32 | 63 |
| Mudah Tunai Pasaran: | | |
| Nilai Urus Niaga / Permodalan Pasaran Purata (%) | 33.4 | 31.9 |
| Jumlah Urus Niaga / Bilangan Sekuriti yang Disenaraikan (%) | 43.2 | 36.4 |
| Penumpuan Pasaran: | | |
| *10 Saham dengan Nilai Permodalan Tertinggi/ Permodalan Pasaran (%) | 31.6 | 34.4 |
| Modal Berbayar Purata Syarikat Broker Saham (RM juta) | 170.9 | 167.0 |

* Mengikut urus niaga pasaran sahaja.
Sumber: Bursa Malaysia

**Jadual 9.4**
**Bursa Malaysia: Prestasi Indeks-Indeks Sektor**

| | 2003 | 2004 |
|---|---|---|
| | Perubahan tahunan (%) | |
| Indeks Komposit Kuala Lumpur | 22.8 | 14.3 |
| EMAS | 24.4 | 9.6 |
| Papan Kedua | 43.2 | -21.2 |
| Indeks Komposit MESDAQ | 82.9 | -19.3 |
| Kewangan | 33.2 | 15.3 |
| Perdagangan / Perkhidmatan | 18.3 | 14.3 |
| Perindustrian | 31.3 | 10.9 |
| Perladangan | 19.3 | 9.4 |
| Syariah | 23.2 | 8.9 |
| Barangan Pengguna | 28.8 | 7.3 |
| Perlombongan | 74.8 | 6.7 |
| Barangan Perindustrian | 23.4 | 4.6 |
| Harta Benda | 38.8 | -4.5 |
| Pembinaan | 24.6 | -8.9 |
| Teknologi | 33.9 | -28.5 |

Sumber:Bursa Malaysia

Mudah tunai pasaran merosot sedikit pada tahun 2004 dengan urus niaga purata harian menurun kepada 435.5 juta unit, daripada 456 juta unit pada tahun 2003. Secara keseluruhan, sentimen pasaran dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran yang tidak menggalakkan, seperti harga minyak yang tinggi serta peningkatan kadar faedah di AS.

## Prestasi pasaran yang lebih memberangsangkan dan minat pelabur yang meluas mendorong penyenaraian 72 tawaran awam awal, iaitu jumlah terbanyak sejak tahun 1998. Perkembangan ini membuktikan lagi pasaran saham semakin penting sebagai sumber modal ekuiti untuk membiayai perkembangan ekonomi.

Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang lebih teguh dan peningkatan perolehan syarikat menggalakkan minat para pelabur dalam pasaran ekuiti di Malaysia. Orientasi semula syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) ke arah mewujudkan nilai pemegang saham yang lebih baik serta inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki sistem penghantaran sektor awam supaya dapat memastikan kecekapan dan daya saing ekonomi yang lebih baik, telah menarik dana asing untuk meningkatkan wajaran terhadap Malaysia.

Minat para pelabur terus disokong dengan pengumuman langkah-langkah liberalisasi baru yang membenarkan syarikat broker asing, pengurus dana asing dan pemodal usaha niaga asing untuk beroperasi di Malaysia. Langkah-langkah ini dijangka meningkatkan mudah tunai pasaran, menggalakkan daya saing dan mengukuhkan pasaran modal di Malaysia.


Prestasi pasaran ekuiti disokong oleh pertumbuhan yang kukuh dalam perolehan korporat dan keutuhan kedudukan kewangan sektor korporat. Daripada sampel sebanyak 351 syarikat bukan kewangan yang tersenarai (mewakili hampir 75% daripada jumlah modal pasaran Bursa Malaysia), perolehan bagi tahun 2004 berkembang sebanyak 19%. Pulangan ekuiti pada asas tahunan bagi sampel ini meningkat kepada 9.1% pada suku keempat tahun 2004 (S4 2003: 8.2%). Pertumbuhan perolehan adalah kukuh terutamanya dalam sektor telekomunikasi, pengangkutan dan pembalakan, serta dalam subsektor perkilangan terpilih (keluaran keluli, getah dan elektronik). Keuntungan yang bertambah baik juga disebabkan beberapa syarikat berjaya pulih semula setelah menyempurnakan usaha penyusunan semula beberapa tahun lalu.

Seiring dengan perolehan yang lebih baik, aliran tunai daripada operasi sektor korporat meningkat pada tahun 2004. Aliran tunai yang lebih kukuh membolehkan firma-firma membiayai sebahagian besar perbelanjaan modal daripada dana dalaman. Oleh itu, keberhutangan korporat kekal stabil. Aliran tunai yang lebih kukuh, berserta tahap keberhutangan yang stabil dan kadar faedah yang rendah menyebabkan kapasiti bayaran khidmat hutang sektor korporat lebih mantap.

Aliran tunai yang lebih kukuh juga membolehkan beberapa syarikat besar meningkatkan pembayaran dividen kepada pemegang saham.

Pasaran ekuiti kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting bagi sektor swasta pada tahun 2004. Prestasi pasaran yang positif serta asas-asas ekonomi yang kukuh menggalakkan lebih banyak syarikat bermodal kecil dan sederhana untuk memperoleh dana di pasaran ekuiti. Lebih banyak syarikat disenaraikan di Pasaran MESDAQ dan Papan Kedua sepanjang tahun 2004, dengan jumlah keseluruhan penyenaraian baru meningkat kepada 72 syarikat, iaitu jumlah yang tertinggi sejak tahun 1998. Daripada jumlah keseluruhan yang disenaraikan, 31 syarikat disenaraikan di Pasaran MESDAQ, 26 di Papan Kedua dan 15 lagi di Papan Utama. Kebanyakan syarikat yang tersenarai adalah dari sektor teknologi dan juga sektor pertumbuhan tinggi, serta dari sektor barangan pengguna dan perindustrian. Dua buah syarikat besar yang disenaraikan pada tahun 2004 telah meningkatkan permodalan pasaran sebanyak 0.8%. Peningkatan bilangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada


## Graf 9.9 Prestasi Indeks Komposit Kuala Lumpur pada tahun 2004





tahun 2004 terus membuktikan peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta, terutama di sektor pertumbuhan baru ekonomi. Jumlah keseluruhan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah sebanyak 963 pada akhir tahun 2004. Dari segi bilangan syarikat yang tersenarai, Bursa Malaysia adalah yang kedua terbesar selepas Hong Kong di rantau Asia Timur (tidak termasuk Jepun).

Walau bagaimanapun, jumlah dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti turun sedikit kepada RM6.5 bilion, berbanding dengan RM7.8 bilion pada tahun 2003. Sebahagian besar daripada dana ini diperoleh melalui tawaran awam awal (IPO) dan terbitan hak, masing-masing berjumlah RM4 bilion dan RM1.5 bilion. Dana yang diperoleh adalah lebih rendah berikutan saiz IPO yang lebih kecil. Walau bagaimanapun, kebanyakan IPO telah terlebih langganan, mencerminkan minat pelabur yang tinggi terhadap penyenaraian baru. Dana yang diperoleh di pasaran ekuiti mencakupi lebih kurang 40% daripada jumlah keseluruhan dana yang diperoleh di pasaran modal oleh sektor swasta pada tahun 2004.


### Graf 9.10
### Bursa Malaysia: Jumlah Penyenaraian Baru




### Graf 9.11
### Dana yang Diperoleh oleh Sektor Swasta daripada Pasaran Modal



**Graf 9.12**
**Prestasi Indeks Pasaran Saham Terpilih (% perubahan dari akhir tahun 2003 ke akhir tahun 2004)**




Sumber: Bursa Malaysia

Menyedari kepentingan pasaran ekuiti sebagai satu sumber pembiayaan yang utama kepada ekonomi, Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa berkenaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mengukuhkan pasaran ekuiti. Langkah-langkah liberalisasi baru ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing global, menggalakkan inovasi dan memperluas liputan pasaran. Langkah-langkah lain yang diperkenalkan pada tahun 2004 disasarkan untuk memudahkan proses penyenaraian, meningkatkan penzahiran oleh syarikat tersenarai, meningkatkan daya tahan syarikat broker saham serta meningkatkan pelindungan pelabur. Maklumat lanjut mengenai langkah-langkah ini terkandung dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004**.

## Pasaran Bon

Pasaran bon kekal sebagai satu sumber pembiayaan ekonomi yang penting pada tahun 2004. Jumlah pembiayaan kasar bernilai RM85.8 bilion. Setelah mengambil kira penebusan pada tahun 2004, jumlah dana bersih yang diperoleh daripada pasaran bon berjumlah RM36.2 bilion. Oleh itu, jumlah terkumpul bon ringgit meningkat sebanyak 10.7% kepada RM363 bilion atau bersamaan dengan 81% daripada KDNK. Keadaan pasaran secara umum adalah menggalakkan untuk aktiviti penerbitan dan urus niaga bon, memandangkan persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah dan asas ekonomi yang semakin kukuh. Satu perkembangan penting bagi pasaran bon ialah pengenalan aset kelas baru yang telah memajukan lagi pasaran bon. Pada tahun 2004, dua Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) telah menerbitkan bon ringgit, sementara Cagamas MBS Berhad telah menerbitkan Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS). Terbitan sulung bon Putra Asian Development Bank (ADB) (RM400 juta) dan bon Islam Wawasan Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC) (RM500 juta), mencerminkan keyakinan institusi

**Jadual 9.5**
**Dana yang Diperoleh Daripada Pasaran Bon**

| | 2003 | 2004*a* |
|---|---|---|
| | RM juta | |
| **Oleh Sektor Awam** | | |
| Sekuriti Kerajaan (kasar) | 41,262 | 43,173 |
| *Tolak* Penebusan | 18,600 | 18,200 |
| *Tolak* Milikan Kerajaan | 0 | 0 |
| *Bersamaan* Penerimaan Bersih Persekutuan | 22,662 | 24,973 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan (bersih) | 1,729 | 1,423 |
| Bon Khazanah (bersih) | 346 | -1,198 |
| Bon Simpanan Malaysia/Bon Simpanan Merdeka (bersih) | -9 | 1,474 |
| **Dana Bersih yang Diperoleh** | **24,729** | **26,671** |
| **Oleh Sektor Swasta** | | |
| Sekuriti Hutang Swasta (kasar) | 50,975 | 36,340 |
| Bon Biasa | 27,983 | 4,313 |
| Bon dengan Waran | 0 | 60 |
| Bon Boleh Tukar | 3,177 | 4,301 |
| Bon berasaskan Prinsip Islam | 8,143 | 9,104 |
| Bon yang Disokong Aset | 3,487 | 2,958 |
| Nota Jangka Pertengahan[1] | 0 | 7,315 |
| Bon Cagamas | 8,185 | 8,290 |
| *Tolak* Penebusan | 33,123 | 26,814 |
| Sekuriti Hutang Swasta | 27,971 | 19,648 |
| Bon Cagamas | 5,152 | 7,166 |
| **Dana Bersih yang Diperoleh** | **17,853** | **9,526** |
| **Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon** | **42,582** | **36,197** |
| *Sekuriti Hutang Swasta, tidak termasuk Cagamas (kasar)* | *42,790* | *28,050* |
| *Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Bon, tidak termasuk Cagamas* | *14,820* | *8,402* |
| Terbitan Bersih Sekuriti Jangka Pendek, Kertas Perdagangan[2] | 3,753 | -3,208 |
| **Jumlah** | **46,335** | **32,990** |

[1] Pengumpulan Nota Jangka Pertengahan bermula pada tahun 2004.
[2] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan. Untuk tahun 2003, termasuk Nota Jangka Pertengahan.
*a* Awalan

antarabangsa terhadap pasaran modal Malaysia sebagai sumber perolehan dana yang kompetitif. Terbitan bon ADB dan IFC mendapat langganan yang berlebihan, masing-masing sebanyak 6.5 kali dan 4.3 kali.

Dalam pasaran utama, sektor awam memperoleh dana bersih sebanyak RM26.7 bilion. Kerajaan Persekutuan menerbitkan dan membuka semula 14 terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan tiga Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII). Dana yang diperoleh Kerajaaan digunakan untuk membiayai aktiviti pembangunan. Dalam usaha memanjangkan keluk hasil tanda aras, Kerajaan menerbitkan SKM bertempoh matang 15 tahun melalui tender terbuka. Ini memberi sektor swasta tanda aras yang baru bagi terbitan instrumen yang mempunyai tempoh matang jangka panjang. Memandangkan pembangunan pasaran bon Islam adalah selari dengan pembangunan pasaran konvensional,

**Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada Tahun 2004**

Langkah-langkah pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk memperkukuh lagi pasaran modal, meningkatkan proses pengantaraan dan melindungi para pelabur. Langkah-langkah utama pasaran modal yang diperkenalkan pada tahun 2004 adalah seperti yang berikut:

**Memperkukuh Pasaran Bon**

- Berkuat kuasa 1 April, Bank Negara Malaysia telah **meliberalisasikan peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing** untuk membenarkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) atau Institusi Kewangan Pelbagai Hala (MFI) dan Syarikat Multinasional menerbitkan bon berdenominasi ringgit di pasaran modal Malaysia, sejajar dengan usaha berterusan negara untuk mempertingkatkan pembangunan pasaran bon dalam negeri. Bagi memudahkan MDB dan MFI menerbitkan bon berdenominasi ringgit, pelbagai fleksibiliti telah diberikan. Antaranya, Bank Negara Malaysia mengklasifikasikan bon berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MFI sebagai aset mudah cair di bawah rangka kerja mudah tunai institusi perbankan yang baru, memberi wajaran risiko sebanyak 0% di bawah rangka kerja nisbah modal berwajaran risiko dan membenarkan potongan daripada liabiliti yang layak untuk pengiraan keperluan rizab berkanun. Tambahan lagi, bagi syarikat insurans pemastautin, bon berdenominasi ringgit yang diterbitkan oleh MDB dan MFI layak dikenali sebagai aset berisiko rendah untuk menyokong margin kesolvenan. Suruhanjaya Sekuriti juga memperuntukkan beberapa fleksibiliti, termasuk menerima penarafan kredit antarabangsa dan mengecualikan MDB atau MFI daripada beberapa keperluan dalam Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta (PDS).

- Pada 26 Julai, **Garis Panduan Tawaran Sekuriti berasaskan Prinsip Islam (Garis Panduan IS)** diperkenalkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memudahkan lagi terbitan sekuriti Islam di Malaysia. Dengan pengeluaran Garis Panduan IS, Garis Panduan PDS tidak lagi diguna pakai untuk terbitan sekuriti Islam.

- Pada 3 September, Bank Negara Malaysia **menyemak semula peraturan pengawalseliaan sekuriti hutang Cagamas yang baru yang diterbitkan selepas 4 September**. Semakan semula ini bertujuan menetapkan harga yang lebih berasaskan pada pasaran di samping meningkatkan minat pelabur terhadap sekuriti hutang Cagamas yang baru. Peraturan pengawalseliaan yang dipinda bagi semua sekuriti hutang Cagamas yang baru adalah seperti yang berikut:
  i. Pemegangan oleh institusi perbankan layak menerima wajaran risiko sebanyak 20% bagi tujuan kecukupan modal dan status Kelas 2 bagi aset mudah cair di bawah rangka kerja mudah tunai. Selaras dengan ini, paras ambang bagi aset mudah cair Kelas 2 diterima di bawah rangka kerja mudah tunai dinaikkan kepada 50%.
  ii. Sekuriti hutang Cagamas juga tertakluk kepada Had Kredit bagi Seorang Pelanggan sebanyak 35% daripada jumlah modal institusi perbankan.
  iii. Pemegangan oleh syarikat insurans diklasifikasikan sebagai 'kemudahan kredit' dan akan terus diberi status aset yang diizinkan.
  iv. Terbitan utama sekuriti hutang Cagamas akan berdasarkan pasaran.

- Berkuat kuasa 11 September, **pengecualian cukai dibenarkan kepada pendapatan faedah yang diperoleh syarikat bukan pemastautin** daripada sekuriti Islam dan debentur yang berdenominasi ringgit, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan sekuriti yang diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia.

**Memperluas Liputan Pasaran untuk Pasaran Ekuiti dan Derivatif**

- Seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2005 pada 10 September, Kerajaan mengumumkan beberapa **langkah liberalisasi untuk memperkukuh pasaran ekuiti dan derivatif** dengan meningkatkan daya saing di pasaran global, menggalakkan inovasi dan memperluas liputan pasaran, seperti yang berikut:
  i. **membenarkan lima firma broker saham asing yang utama untuk beroperasi di Malaysia;**
  ii. **membenarkan lima firma pengurusan dana antarabangsa** terkemuka untuk menyertai segmen pelabur institusi dalam industri pengurusan dana di Malaysia;
  iii. **membenarkan 100 peratus pemilikan asing dalam syarikat-syarikat broker niaga hadapan;**
  iv. membenarkan syarikat broker tempatan yang bergabung dengan sekurang-kurangnya satu syarikat

broker lain untuk **menubuhkan empat cawangan tambahan atau Aktiviti Kemudahan Laluan Elektronik Dibenarkan;** dan

v. **memansuhkan had bilangan** maksimum wakil peniaga asing.

**Memudahkan Proses Penyenaraian**

- Pada 9 Februari, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan beberapa pindaan kepada Jadual 1, Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, yang **membenarkan syarikat awam untuk menerbitkan terbitan bonus, melaksanakan skim saham pekerja dan skim opsyen saham pekerja tanpa memerlukan kebenaran awal dari Suruhanjaya Sekuriti.**

**Meningkatkan Penzahiran oleh Syarikat Tersenarai**

- Bermula 1 April 2004, **syarikat tersenarai yang lewat menyerahkan penyata kewangan syarikat tersebut bagi tempoh lebih daripada tiga bulan akan dikenakan penggantungan urus niaga.**

- Pada 19 Mei, Suruhanjaya Sekuriti mengeluarkan "Garis Panduan Prospektus – Garis Panduan Tambahan 1 bagi Penyenaraian Syarikat yang Diperbadankan di Luar Negara" untuk **meningkatkan syarat-syarat penzahiran bagi syarikat asing yang ingin disenaraikan** di Bursa Malaysia.

- Pada 30 November, Bursa Malaysia Securities Berhad membuat **pindaan kepada Syarat-syarat Penyenaraian** yang berkaitan dengan syarikat-syarikat tersenarai yang mempunyai kedudukan kewangan dan tahap operasi yang tidak memuaskan. Antara lain, pindaan tersebut mengehendaki syarikat tersenarai menyerahkan pelan penstrukturan semula kewangan dalam tempoh lapan bulan sebagai ganti kepada penggantungan urus niaga dan pengeluaran daripada senarai di Bursa Malaysia.

**Meningkatkan Daya Ketahanan Syarikat Broker Saham**

- Pada 28 Oktober, Suruhanjaya Sekuriti **mengumumkan semakan rangka kerja keperluan modal bagi syarikat broker saham** untuk memberi lebih fleksibiliti kepada industri broker saham dalam mengurus keperluan modal serta meningkatkan daya saing keseluruhan. Antara lain, rangka kerja keperluan modal yang baru ini menetapkan modal berbayar minimum untuk Broker Universal (UB) pada RM100 juta, berbanding dengan RM250 juta sebelumnya. Di samping itu, UB dikehendaki mempunyai paras minimum bagi dana pemegang saham, yang tidak dijejaskan oleh kerugian, iaitu sebanyak RM20 juta untuk bukan UB dan RM100 juta untuk UB.

**Meningkatkan Perlindungan Pelabur**

- Pada 25 Februari, Suruhanjaya Sekuriti mengumumkan beberapa **pindaan ke atas undang-undang sekuriti untuk memelihara kepentingan pelabur dan meningkatkan lagi tadbir urus korporat**. Undang-undang sekuriti tersebut termasuk Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 2003 (SIA), Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003, Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2003 dan Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 2003. Pindaan tersebut bertujuan:
  i. mempertingkatkan perlindungan aset pelanggan;
  ii. memperkenalkan peruntukan pemberian maklumat (*whistle blowing*);
  iii. memperkukuh rangka kerja mengenai nasihat pelaburan;
  iv. mempertingkatkan kuasa tindakan sivil dan pentadbiran; dan
  v. memperkukuh urusan penjelasan dan penyelesaian.


**Mempromosikan Industri Pengurusan Dana**

- Pada 28 April, Suruhanjaya Sekuriti menerbitkan nota panduan kepada garis panduan amanah saham bagi **membenarkan lebih banyak bank berlesen dan bank saudagar berlesen yang ditubuhkan di Malaysia menjadi penjamin kepada dana terjamin**. Nota panduan yang bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri amanah saham di Malaysia, mengehendaki penjamin mempunyai penarafan minimum jangka panjang yang menunjukkan kemampuan yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kewangan pada masa yang ditetapkan serta mempunyai profil kredit yang dianggap mencukupi oleh agensi penarafan antarabangsa atau agensi tempatan.

- Pada 24 November, Suruhanjaya Sekuriti menerbitkan satu garis panduan bagi **membantu syarikat pengurusan amanah saham melaksanakan urus niaga amanah saham dalam talian.**

Kerajaan juga meningkatkan saiz nominal terbitan GII kepada RM4.1 bilion pada tahun 2004, daripada RM2 bilion pada tahun 2003. Selain itu, tempoh matang GII juga dilanjutkan dari 5 tahun ke 7 tahun dengan objektif untuk membangunkan keluk hasil tanda aras secara Islam. Pada tahun 2004, Bank Negara Malaysia melancarkan Bon Simpanan Merdeka (MSB), yang merupakan instrumen pelaburan untuk warga emas dan anggota tentera Malaysia yang telah bersara. Selanjutnya, MSB juga ditawarkan untuk warga Malaysia yang bersara atas sebab-sebab kesihatan. Sejak pelancarannya, empat siri MSB telah diterbitkan pada tahun 2004 dengan perolehan dana sebanyak RM1.9 bilion. Pada akhir tahun 2004, jumlah terkumpul bon sektor awam bernilai RM175.4 bilion yang bersamaan dengan 39% daripada KDNK.

**Graf 9.14**
**Penggunaan Dana yang Diperoleh[1]**





[1] Tidak termasuk Cagamas

## Perkembangan dalam pasaran bon adalah positif dan telah menyokong peningkatan dalam aktiviti pelaburan swasta dalam negeri pada tahun 2004.

Keadaan pasaran yang menggalakkan, persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah, serta pengukuhan keadaan ekonomi pada tahun 2004 merupakan faktor-faktor utama yang menyumbang kepada terbitan PDS baru yang berterusan. Jumlah dana kasar yang diperoleh sektor swasta kekal ketara, iaitu sebanyak RM36.3 bilion. Sebanyak 89 buah syarikat mendapat pembiayaan daripada pasaran PDS dan memperoleh sebanyak RM28 bilion, sementara Cagamas Berhad memperoleh baki sebanyak RM8.3 bilion. Berbanding dengan jumlah terbitan baru sebanyak RM51 bilion pada tahun 2003, terbitan baru PDS pada tahun 2004 menurun sedikit. Antara tahun 1999 dan 2003, kebanyakan terbitan baru PDS (70% daripada jumlah, tidak termasuk bon Cagamas) adalah untuk tujuan penstrukturan semula dan pembiayaan semula. Sehingga tahun 2004, sektor korporat telah berjaya melaksanakan kebanyakan daripada usaha penstrukturan semula dan oleh itu, keperluan menggunakan pasaran bon bagi membiayai aktiviti penstrukturan semula, telah berkurang. Sektor korporat terus mencatat perolehan yang tinggi dan telah mengukuhkan kedudukan kewangannya semenjak Krisis. Kedudukan aliran tunai yang lebih kukuh telah membolehkan syarikat memulakan aktiviti pelaburan baru, seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan modal. Sebagai mencerminkan perkembangan ini serta peningkatan aktiviti pelaburan swasta dalam negeri yang berterusan, terbitan PDS untuk membiayai aktiviti perniagaan baru meningkat dengan ketara pada tahun 2004, mencakupi bahagian sebanyak 46.5% daripada jumlah terbitan. Syarikat dalam sektor infrastruktur dan utiliti merupakan penerbit utama untuk tujuan tersebut. Sementara itu, terbitan PDS untuk tujuan pembiayaan semula mencakupi sebanyak 32.1% daripada jumlah terbitan, dengan 20% daripadanya merupakan terbitan sekuriti bersandarkan aset.


**Graf 9.13**
**Jumlah Bon Terkumpul**




Setelah mengambil kira penebusan pada tahun 2004, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM9.5 bilion. Pada akhir tahun 2004, jumlah nilai terkumpul bon sektor swasta meningkat kepada RM187.6 bilion, bersamaan dengan 42% daripada KDNK atau 51.7% daripada jumlah nilai terkumpul pasaran bon. Peratusan bahagian pembiayaan PDS (tidak termasuk Cagamas) kepada sektor swasta masih tinggi, iaitu 23.7% daripada jumlah pembiayaan PDS dan pinjaman kepada sektor swasta.


Syarikat daripada sektor pembinaan dan utiliti merupakan penerbit utama PDS, masing-masing

**Graf 9.15**
**Terbitan PDS mengikut Tempoh Matang[1]**




[1] Tidak termasuk Cagamas.

**Graf 9.16**
**Terbitan PDS mengikut Jenis Instrumen (tidak termasuk Cagamas)**




memperoleh sebanyak 31.5% dan 28% daripada jumlah dana. Penerbit utama dalam kedua-dua sektor tersebut ialah pemaju projek infrastruktur, projek air dan penjana kuasa bebas yang memerlukan pembiayaan jangka panjang dan fleksibel.

Sepanjang tahun 2004, terbitan PDS baru bertempoh matang antara satu dan sepuluh tahun mencakupi 88.5% daripada jumlah nilai terbitan, mencerminkan minat pelabur terhadap sekuriti jangka pendek dan sederhana. Perkembangan yang menggalakkan pada tahun 2004 adalah pemanjangan profil tempoh matang PDS. PDS yang diterbit dengan tempoh matang antara 20-28 tahun mewakili 3% daripada jumlah nilai terbitan pada tahun 2004, berbanding dengan 0.9% pada tahun sebelumnya.

Dari segi jenis instrumen, PDS Islam (termasuk Nota Jangka Sederhana Islam) merupakan cara pemerolehan dana yang paling digemari, mencakupi 49.4% daripada jumlah terbitan. Semenjak beberapa tahun yang lalu, permintaan yang lebih tinggi daripada pelabur institusi konvensional dan Islam terhadap PDS Islam telah menyebabkan pembidaan yang lebih kompetitif terhadap bon ini dan menghasilkan kos terbitan yang lebih rendah kepada penerbit bon. Satu lagi penyebab kepada perkembangan ini ialah pelaksanaan insentif cukai bagi produk Islam, seperti yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2004, yang telah menghasilkan beberapa struktur produk PDS Islam baru. Suruhanjaya Sekuriti juga memperkenalkan garis panduan baru bagi sekuriti Islam pada tahun 2004, yang telah menyokong perkembangan pasaran modal Islam yang lebih inovatif dan sofistikated.

Pada tahun 2004, Cagamas Berhad mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit yang aktif dalam pasaran PDS, mencakupi 22.8% daripada terbitan PDS. Cagamas membuat 18 terbitan sekuriti hutang yang berjumlah RM9.3 bilion (termasuk dua terbitan nota Cagamas jangka pendek berjumlah RM1 bilion). Dari segi jenis instrumen, bon kadar tetap mencatat bahagian yang lebih tinggi sebanyak 71.8% daripada jumlah terbitan, sementara selebihnya dalam bentuk Sanadat Cagamas dan nota diskaun Cagamas jangka pendek.

**Jadual 9.6**
**Terbitan Baru Sekuriti Hutang Swasta mengikut Sektor[1]**

| Sektor | 2003 | | 2004[a] | |
|---|---|---|---|---|
| | RM juta | % bahagian | RM juta | % bahagian |
| Pertanian, perhutanan dan perikanan | 993.1 | 2.3 | 0.0 | 0.0 |
| Perlombongan dan kuari | 0.0 | 0.0 | 0.0 | 0.0 |
| Perkilangan | 9,072.4 | 21.2 | 3,264.5 | 11.6 |
| Pembinaan | 6,049.7 | 14.1 | 8,844.9 | 31.5 |
| Elektrik, gas dan bekalan air | 3,410.5 | 8.0 | 7,480.2 | 28.0 |
| Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan | 8,603.8 | 20.1 | 796.0 | 2.8 |
| Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan | 8,372.8 | 19.6 | 4,767.8 | 17.0 |
| Kerajaan dan lain-lain | 6,288.1 | 14.7 | 1,315.4 | 4.7 |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 0.0 | 0.0 | 1,221.1 | 4.4 |
| **Jumlah** | **42,790.4** | **100.0** | **28,049.9** | **100.0** |


*a awalan*
[1]Tidak termasuk Cagamas

Bank Negara Malaysia mengkaji semula garis panduan pengawalseliaan bagi sekuriti Cagamas untuk menggalakkan pasaran modal yang lebih berdaya saing. Cagamas berjaya menerbitkan Sanadat Cagamas buat pertama kali melalui proses *book building* pada bulan Oktober. Sanadat Cagamas, iaitu instrumen Islam berasaskan Bai-Bithaman Ajil diterbitkan untuk membeli hutang perumahan secara Islam dan hutang sewa beli berjumlah RM1.6 bilion. Ini merupakan nilai hutang secara Islam yang paling tinggi yang pernah dibeli oleh Cagamas. Cagamas Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, Cagamas MBS Berhad (CMBS) telah berjaya membuat terbitan pertama bagi Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (RMBS) yang disokong oleh pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan pada bulan Oktober. Terbitan RMBS merupakan perkembangan yang baik bagi pembangunan pasaran pensekuritian di Malaysia. RMBS dijangka menghasilkan kelok hasil bagi sekuriti yang bersandarkan gadai janji dan menjadi tanda aras bagi terbitan sekuriti lain yang disokong oleh aset (ABS).


Pada masa yang sama, dalam pasaran pensekuritian, empat ABS baru berjumlah RM3 bilion telah diterbitkan pada tahun 2004, disokong oleh bayaran belum terima kad kredit, pinjaman serta bayaran belum terima harta benda dan gadai janji. Keseluruhannya, terdapat lima belas ABS (termasuk satu ABS nota perdagangan) terkumpul yang berjumlah RM8.7 bilion.

Pada tahun 2004, Rating Agency Malaysia (RAM) dan Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC) membuat penarafan ke atas 139 terbitan PDS baru, bernilai RM38.7 bilion. Terbitan jangka panjang mewakili 68.2% daripada jumlah nilai kasar yang diberi taraf. Dari segi profil penarafan, terbitan telah diagihkan mengikut kategori AAA, AA dan A. Walaupun penarafan PDS satu A mencatat jumlah terbitan yang paling banyak, penarafan PDS AAA mencakupi bahagian yang terbesar dari segi nilai. Pilihan pelabur bagi syarikat yang mempunyai kualiti kredit yang bagus dan profil kredit yang kukuh menyebabkan syarikat yang mendapat penarafan yang tinggi memperoleh dana daripada pasaran PDS pada harga yang kompetitif. Pada tahun 2004, RAM dan MARC mengendalikan 244 semakan penarafan atas sekuriti hutang jangka panjang yang sedia ada. Sejumlah 213 terbitan telah dikekalkan taraf, 17 dinaikkan taraf dan tujuh diturunkan taraf.

**Graf 9.17**
**Nilai Sekuriti yang disokong Aset Terkumpul (2001-2004)**




**Graf 9.18**
**Pengagihan Penarafan Sekuriti Hutang Swasta Terkumpul (Pada akhir tahun 2004)**





Sumber: RAM dan MARC

Dalam pasaran sekunder, bagi tiga suku pertama, pergerakan kadar hasil bon MGS dan sentimen pasaran dipengaruhi terutamanya oleh jangkaan para pelabur terhadap arah kadar faedah. Dalam persekitaran inflasi yang rendah, pelabur berkeyakinan bahawa kadar faedah dalam negeri akan kekal rendah. Walau bagaimanapun, kadar hasil berubah kepada trend menaik pada suku kedua disebabkan prospek ekonomi yang menggalakkan berikutan beberapa penunjuk ekonomi yang positif, yang menunjukkan pertumbuhan yang lebih kukuh. Peningkatan kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS berikutan jangkaan bahawa kadar faedah akan dinaikkan juga mempengaruhi kadar hasil bon dalam negeri.

Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun 2004, trend kadar hasil bon menurun semula, dipengaruhi terutamanya oleh harga minyak mentah yang semakin meningkat tinggi serta kesan negatif kenaikan harga ini terhadap prospek pertumbuhan global. Permintaan bagi sekuriti pendapatan tetap meningkat ekoran daripada sentimen pelabur bahawa prospek inflasi di Malaysia kekal rendah dan jangkaan bahawa berlaku penjajaran semula mata wang di Asia berbanding dolar AS. Ini diperkukuh lagi oleh kadar hasil sekuriti Perbendaharaan AS yang menurun berikutan pengumuman oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market


**Graf 9.19**
**Kadar Hasil MGS**





Committee) bahawa kenaikan kadar faedah di AS akan dilakukan secara perlahan-lahan. Di samping itu, pengecualian cukai pegangan ke atas pendapatan faedah daripada pemilikan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh Kerajaan serta sekuriti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti menarik permintaan yang lebih tinggi bagi sekuriti berpendapatan tetap. Minat yang tinggi terhadap aset dalam denominasi ringgit menyebabkan kadar hasil menurun dengan mendadak.

Urus niaga dalam pasaran bon ringgit berjumlah RM355.9 bilion (RM436.8 bilion pada tahun 2003) dengan aktiviti tertumpu pada tempoh matang jangka pendek dan sederhana. Aktiviti urus niaga yang tertinggi dicatat pada bulan Julai berikutan terbitan kertas Kerajaan yang lebih banyak pada bulan Jun. Pada bulan September, aktiviti urus niaga meningkat berikutan pengecualian cukai pegangan ke atas pulangan faedah, yang menarik penglibatan pelabur asing yang lebih tinggi dalam pasaran bon. Kertas yang paling aktif diniagakan ialah MGS, mencakupi 54.3% daripada jumlah dagangan. Jumlah urus niaga bon korporat mencakupi 18.1% daripada jumlah dagangan, terutamanya dalam sekuriti gred pelaburan yang tinggi. Mudah tunai, seperti yang diukur

**Graf 9.20**
**Nilai Urus Niaga Bulanan**




**Graf 9.21**
**Urus Niaga Sekuriti Hutang Terpilih (Jan-Dis 2004)**




oleh nisbah jumlah urus niaga berbanding jumlah bon terkumpul, adalah paling tinggi bagi bon GII dan Khazanah, masing-masing 3.94 kali dan 1.78 kali. Walau bagaimanapun, mudah tunai bagi bon korporat adalah paling rendah, iaitu 0.4 kali jumlah terkumpul.

Di peringkat antarabangsa, tebaran bagi bon berdaulat mata wang asing Malaysia dan bon korporat mengecil pada tahun 2004. Standard & Poor's mengekalkan penarafan mata wang Malaysia dan kredit berdaulat pada bulan Mei, Fitch International menaikkan penarafan kredit berdaulat Malaysia daripada BBB kepada A- pada bulan November dan Moody's Investors Services menaikkan penarafan mata wang asing Malaysia pada bulan Disember. Ini mencerminkan asas ekonomi negara yang semakin kukuh.

Beberapa langkah telah diperkenalkan pada tahun 2004 untuk mengukuhkan pasaran bon. Langkah-langkah pasaran bon yang terperinci boleh dilihat dalam rencana **Langkah-langkah Utama Pasaran Modal pada tahun 2004**.

**Jadual 9.7**
**Tebaran Utama Berdaulat Berbanding Tanda Aras Perbendaharaan AS**

| | Dis-03 | Mac-04 | Jun-04 | Sep-04 | Dis-04 |
|---|---|---|---|---|---|
| **MALAYSIA 09** | 80 | 86 | 97 | 62 | 48 |
| **MALAYSIA 11** | 131 | 151 | 156 | 108 | 90 |
| **CHINA 11** | 123 | 123 | 119 | 116 | 98 |
| **INDONESIA 06** | 288 | 243 | 312 | 134 | 43 |
| **KOREA 08** | 38 | 54 | 48 | 18 | 1 |
| **PHILIPPINES 10** | 494 | 556 | 470 | 444 | 377 |
| **THAILAND 07** | 126 | 110 | 125 | 110 | 53 |
| **PETRONAS 06** | 104 | 92 | 100 | 63 | 48 |

Sumber: Bloomberg

**Pasaran Bursa Dagangan Derivatif**


Pasaran derivatif Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2004. Perkembangan positif ini disebabkan oleh minat urus niaga yang tinggi dan berterusan dalam kontrak niaga hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO), kontrak niaga hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dan kontrak niaga hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3 tahun. Jumlah keseluruhan kontrak yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives meningkat sebanyak 32% berbanding dengan tahun sebelumnya, berikutan kesedaran dan pengetahuan yang lebih meluas mengenai penggunaan derivatif serta aktiviti yang bertambah dalam pasaran produk asas. Jumlah urus niaga tahunan mencecah rekod baru sebanyak 2.6 juta kontrak berbanding dengan rekod sebelumnya, iaitu sebanyak 2 juta kontrak pada tahun 2003.

Prestasi pasaran niaga hadapan komoditi yang memberangsangkan, berserta pertumbuhan pesat yang berterusan dalam industri minyak sawit, telah mendorong Bursa Malaysia Derivatives untuk melancarkan kontrak niaga hadapan Minyak Isirong Sawit (CPKO) pada 20 Februari 2004. Pelancaran produk baru ini membolehkan peserta pasaran memantau, mengurus dan mengawal harga produk minyak sawit dengan lebih berkesan. Berikutan pelancaran produk baru ini, sebanyak lapan produk didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives. Bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan pasaran modal, had milikan ekuiti asing dalam syarikat broker niaga hadapan dihapuskan dan dengan itu pegangan asing 100 peratus dibenarkan.

Seperti pada tahun 2003, kontrak niaga hadapan CPO kekal sebagai produk yang paling aktif diniagakan di Bursa Malaysia Derivatives pada tahun 2004 dan merangkumi sebanyak 52.3% daripada jumlah dagangan. Julat harga bagi kontrak tanda aras CPO 3 bulan adalah antara RM1,372 dan RM1,993 setan pada tahun 2004, iaitu perbezaan sebanyak RM621 (2003: RM622). Walau bagaimanapun, prestasi kontrak niaga hadapan CPKO yang baru dilancarkan tidak memuaskan disebabkan oleh kurangnya sambutan daripada peserta pasaran.


Harga kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan adalah di paras yang kukuh pada permulaan tahun 2004, iaitu RM1,766 setan. Harga kemudian menokok lagi pada suku tahun pertama untuk mencatat harga dagangan harian tertinggi, iaitu RM1,993 setan pada 4 Mac. Selepas itu, trend kenaikan harga bertukar arah dan harga seterusnya merosot kepada RM1,550 pada 30 Jun disebabkan oleh kurangnya aktiviti pembelian oleh pelabur luar negara (yang mencakupi hampir 44% daripada jumlah dagangan), di samping peningkatan pengeluaran CPO di negara-negara pengeluar utama. Pada separuh kedua tahun 2004, stok minyak sawit Malaysia yang meningkat dan tuaian kacang soya di Amerika Syarikat yang melebihi jangkaan turut mempengaruhi trend harga yang menurun. Akibatnya, harga menurun dalam julat antara RM1,400 – 1,500 setan pada suku ketiga. Harga menurun lagi pada suku keempat dengan harga dagangan harian pada paras terendah sebanyak RM1,372 setan pada 18 Oktober. Kontrak niaga hadapan CPO 3 bulan mencatat paras harga RM1,387 setan pada akhir tahun 2004, iaitu 21.5% lebih rendah daripada paras harga pada permulaan tahun.

**Graf 9.22**
**Bursa Malaysia Derivatives: Jumlah Dagangan Bulanan dan Kedudukan Terbuka pada Akhir Bulan**




Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

**Graf 9.23**
**Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah**




Sumber : Bursa Malaysia Derivatives

**Jadual 9.8**
**Prestasi Produk Bursa Malaysia Derivatives**

| Produk | Urus Niaga | | | | | | Bahagian daripada jumlah urus niaga Bursa Malaysia Derivatives (%) | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2003 | | | 2004 | | | | |
| | Bilangan lot | Perubahan tahunan (%) | Purata urus niaga harian | Bilangan lot | Perubahan tahunan (%) | Purata urus niaga harian | 2003 | 2004 |
| Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah | 1,429,959 | 57.3 | 5,813 | 1,378,334 | -3.6 | 5,603 | 71.5 | 52.4 |
| *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)* | 21,149 | | | 28,314 | | | | |
| Kontrak Niaga Hadapan Minyak Isirong Sawit | | | | 449 | t.d. | 2 | t.d. | … |
| Kontrak Niaga Hadapan KLCI | 331,218 | 41.6 | 1,346 | 1,088,419 | 228.6 | 4,424 | 16.6 | 41.3 |
| *Kedudukan terbuka, (pada akhir tahun)* | *8,993* | | | *10,092* | | | | |
| Opsyen KLCI | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Kontrak Niaga Hadapan KLIBOR 3 bulan | 119,659 | 86.1 | 486 | 141,969 | 18.6 | 577 | 6.0 | 5.4 |
| *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)* | 18,977 | | | 27,418 | | | | |
| Kontrak Niaga Hadapan MGS 3 tahun [1/] | 781 | t.d. | 3 | 4,327 | 454 | 18 | … | 0.2 |
| Kontrak Niaga Hadapan MGS 5 tahun | 118,635 | 47.5 | 482 | 19,494 | -83.6 | 79 | 5.9 | 0.7 |
| *Kedudukan terbuka (pada akhir tahun)* | 127 | | | - | | | | |
| Kontrak Niaga Hadapan MGS 10 tahun [1/] | 11 | t.d. | … | - | - | - | … | … |

[1/] Diperkenalkan pada September 2003
t.d. Tidak Diperoleh
… Terlalu kecil
Sumber: Bursa Malaysia Derivatives

Kontrak niaga hadapan KLCI merupakan produk derivatif yang menunjukkan prestasi terbaik di Bursa Malaysia Derivatives pada tahun 2004. Aktiviti dagangan kontrak niaga hadapan KLCI mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi dengan nyata sebanyak 229%. Nisbah mudah tunai derivatif, yang merupakan nisbah antara nilai urus niaga kontrak hadapan berbanding nilai urus niaga komponen asas saham KLCI meningkat kepada 46.9% pada tahun 2004 (2003: 40.3%). Peningkatan urus niaga ini disebabkan oleh prestasi yang lebih baik dalam pasaran ekuiti pada tahun tersebut. Di samping itu, pengubahsuaian saiz kontrak dan peningkatan saiz tik sejak bulan September 2003 menggalakkan lebih banyak penyertaan pelabur dalam negeri dan pelabur asing. Langkah-langkah ini berkesan bagi menurunkan syarat-syarat margin dan kos dagangan. Dari segi peserta pasaran, pelabur runcit dalam negeri dan pelabur institusi asing merangkumi sebanyak 80% daripada jumlah keseluruhan dagangan.

Aktiviti dalam pasaran niaga hadapan kewangan bercampur-campur pada tahun 2004 dan terus mencerminkan perkembangan dalam pasaran kewangan yang dipengaruhi jangkaan yang berubah-ubah mengenai prospek pertumbuhan ekonomi dan haluan kadar faedah. Penyertaan dalam pasaran kontrak hadapan kewangan terus dipelopori oleh pelabur institusi dalam negeri, yang mencakupi lebih daripada 93% daripada jumlah dagangan. Kontrak niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 18.6% dari segi jumlah dagangan bagi tahun 2004. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan kontrak niaga hadapan MGS mencatat penurunan sebanyak 80% berikutan aktiviti dagangan yang lebih rendah dalam pasaran produk asas. Dengan aktiviti dagangan dalam pasaran sekuriti tertumpu terutamanya pada sekuriti tempoh matang jangka pendek, jumlah urus niaga kontrak niaga hadapan MGS 3 tahun meningkat dengan ketara.